MAKNA DAN PADANAN ENTRI 'MEMBUAT' DALAM KAMUS DWIBAHASA MELAYU-INGGERIS: SATU APLIKASI *FRAME SEMANTICS*

INTAN SAFINAZ ZAINUDIN, NOR HASHIMAH JALALUDDIN & IMRAN HO ABDULLAH
intansz@ukm.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Di Malaysia, kajian ke atas kamus dwibahasa oleh pengkaji tempatan kebanyakannya tertumpu kepada masalah padanan sahaja (Noresah dan Fadilah, 2003) dan Fadilah (2005). Artikel ini menawarkan kajian linguistik untuk mengendalikan masalah pembahagian sensa makna dan padanan untuk entri 'membuat' dari dua kamus dwibahasa Melayu-Inggeris iaitu kamus *Intelek Malay-English Dictionary* (IMED) dan *Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris* (KPBMBI) . Entri 'membuat' dari dua kamus dwibahasa tersebut didapati tidak lengkap pembahagian maknanya apabila dibandingkan dengan kamus rujukan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (KD4). Untuk mengendalikan permasalahan pembahagian sensa makna, teori *frame semantics* dipilih dan diterapkan dalam analisis linguistik berdasarkan data korpus DBP-UKM yang mengandungi 5 juta patah perkataan bahasa Melayu. Analisis *frame semantics* mengenal pasti makna ranah berdasarkan bukti korpus bersama maklumat valensi yang membezakan ranah-ranah tersebut. Apabila ranah-ranah untuk kata 'membuat' dikenal pasti, setiap ranah tersebut dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris dari *FrameNet*. Pemetaan ranah bahasa Melayu dan ranah bahasa Inggeris dari *FrameNet* membawa kepada padanan bahasa Inggeris yang sesuai untuk entri kamus yang akan dicadangkan. Kajian ini seterusnya menawarkan entri kamus 'membuat' yang lebih tersusun dan mantap dari segi penyusunan makna dan padanan bahasa Inggeris yang lebih sesuai. Kajian yang dibincangkan ini menunjukkan aplikasi *frame semantics* berjaya menyusun semula sensa kata 'membuat' bersama padanan bahasa Inggeris yang sesuai.

Kata Kunci : *frame semantics*, ranah makna, sensa makna, *FrameNet*, padanan

ABSTRACT

In Malaysia, research into bilingual dictionaries by researchers are mainly focusing on the equivalents (Noresah and Fadilah 2003) and Fadilah (2005). This article offers a linguistic analysis research to determine the sense division of an entry 'membuat' from two bilingual dictionaries Intelek Malay-English Dictionary (IMED) dan Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris (KPBMBI) . The sense division of the verb entry 'membuat' from the two bilingual dictionaries are found to be incomplete compared to the same entry from the Malay dictionary Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4). The theory of frame semantics is adopted in the analysis of the DBP-UKM Malay corpus data. The corpus analysis based on frame semantics has identified frames of 'membuat'. The frames contain frame elements and its own valence patterns that differentiate one frame from the other. All the Malay frames are then mapped onto the English equivalent frames from the FrameNet database. The mappings from the Malay and its equivalent English frames lead to the English equivalents that are suitable for bilingual dictionary entries. This analysis offers a complete and revised sense division of the entry 'membuat'. The frame semantics corpus based analysis has succeed in resolving the matters pertaining to sense division and suitable equivalents.

Key Words: *frame semantics, frame, sense of meaning, FrameNet, equivalents*

Pengenalan

Kajian ke atas kamus dwibahasa tidak serancak kajian ke atas kamus ekabahasa. Kajian ke atas kamus dwibahasa oleh pengkaji tempatan kebanyakannya tertumpu kepada masalah padanan sahaja. Kertas kerja ini cuba menunjukkan masalah lain seperi pembahagian sensa makna entri bahasa sumber selain masalah padanan yang membelenggu kamus dwibahasa Melayu-Inggeris dalam pasaran. Kajian ini menumpukan kepada analisis entri kamus dwibahasa Melayu-Inggeris iaitu analisis leksikal dalam bahasa sumber, iaitu bahasa Melayu berdasarkan data korpus dan kemudian barulah diberi padanan dan terjemahan yang sesuai dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Inggeris. Kertas kerja ini akan menganalisis entri 'membuat' dengan aplikasi teori *Frame Semantics* berdasarkan data korpus DBP-UKM yang mengandungi 5 juta patah perkataan bahasa Melayu. Analisis makna bukan sahaja berdasarkan data korpus malah rujukan juga dibuat kepada kamus ekabahasa Melayu dan Inggeris, kamus dwibahasa dan pangkalan data *FrameNet*. Selepas mengenal pasti sensa makna bagi leksikal yang dikaji dalam bahasa Melayu, padanan bahasa Inggeris yang sesuai dicadangkan berdasarkan maklumat dari rujukan pangkalan data *FrameNet*[1] iaitu pangkalan yang menyediakan maklumat leksikal bahasa Inggeris. Bab ini seterusnya memberi cadangan entri 'membuat' untuk kamus dwibahasa untuk tujuan terjemahan.

Apabila dibandingkan maklumat entri 'membuat' antara dua kamus dwibahasa iaitu kamus Intelek Malay-English Dictionary (IMED) dan kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris (KPBMBI) dengan kamus rujukan kamus Dewan Edisi Keempat (KD4), didapati ketidakseragaman jumlah sensa makna dan maklumat makna dan padanan yang lengkap. Rajah 1 di bawah merupakan maklumat entri 'membuat' oleh kedua kamus dwibahasa bersama kamus rujukan iaitu kamus Dewan Edisis keempat (KD4).

Rajah 1: Pecahan makna kata 'membuat' dalam KD4, IMED dan KPBMBI

Kamus Dewan Edisi Keempat	Kamus Perwira	Kamus IMED
membuat 1. = **memperbuat** membikin, membentuk, mencipta: ~ rumah; ` surat; **2.** mengerjakan, melaksanakan, melakukan, menjalankan: *apa yg hendak dibuat, nasi telah menjadi bubur*; **3.** menyebabkan, menimbulkan, menerbitkan,	**buat 1.** = **berbuat, membuat. 2.** *hb* untuk, bagi for. Orang itu datang buat menguruskan perkara itu. **berbuat** *kj* **1.** melakukan, mengerjakan sesuatu, melakukan kebaikan (kejahatan, kesalah) *to do (good or bad thing), to apply.* Jangan berbuat jahat. **2.** sedang mengadakan (mendirikan) *in process*	**buat for**: *Barang-barang ini ~ ibumu.* These things are for your mother. **berbuat** to build; to do; to make: *Ia blm ada ~ kesalahan apa-apa.* He has not done anything wrong. **~ baik berpada-**

[1] Rujuk laman web www.framenet.icsi.berkeley.edu untuk maklumat lebih lanjut

mendatangkan, menjadikan: ~ *bagus; ~ buruk; ~ malu; ~ marah; ~ takut; ~ takut; ~ bodoh* a) membodohkan; b)berpura-pura bodoh; **4.** memperlakukan (orang dll): *saya tak tahan melihatkan Narto dibuat begitu*; **5.** menggunakan utk, memakai utk: *janganlah kain itu dibuat baju*; **6.** = **membuat-buat** berpura-pura, berlaku pura-pura, berbuat seakan-akan: *senyuman yg dibuat-buat; ~ malu, menuras tidak* prb orang yg mencuba hendak membuat sesuatu pekerjaan tetapi malas mempelajarinya; **membuatkan** membuat sesuatu utk: ia ~ adiknya segelas minuman;	*(of making, working).* Jangan berbuat demikian. Berbuat, membuat *kj* **1.= memperbuat** membentuk, membikin, mencipta *to make, to shape.* Bagaimana cara membuat sabun? **2.** melaksanakan, melakukan, mengerjakan, menjalankan *to do, to apply.* Dia akan mula membuat kerja itu. **3.** mendatangkan, menerbitkan, menimbulkan, menjadikan, menyebabkan *to cause, to make.* Khabar angin hanya boleh membuat rakyat gelisah. *~ malu ashamed.* ~ bodoh (*a) to make a fool of. (b) to play the fool*. **4.** memperlakukan orang *to treat other.* **5.** memakai (menggunakan) untuk *to use something as.* Jangan baju saya dibuat kain lap. **6. = membuat-buat** berbuat seakan-akan, berlaku pura-pura *to pretend*. Saya thu senyumannya itu dibuat (dibuat-buat). **membuat-buat** *kj* berbuat seakan-akan, berlaku pura-pura, berpura- pura *to pretend.* Dia sebenarnya tidak penat, cuma membuat-buat sahaja. **Membuatkan** *kj* membikin (melaksanakan, membentuk, mengerjakan sesuatu untuk) *to make or to do something for.* Doris membuatkan suaminya segelas minuman. **Memperbuatkan** *kj* membuat (dengan usaha) *to do something by hard.* Adik memperbuatkan sebuah layang-layang yang canggih.	**pada, ~ jahat jangan sekali** pr be good to people, but within limits, however never do anything bad at all. **dibuat = dibuat-buat** feigned; pretended: *Kelakuannya ~* . His behaviour is feigned. **Membuat 1.** to build: to construct; to do; to make: *Kuli-kuli itu sedang ~ jalan.* The labourers are building a road. **2.** to cause; to make: *Org itu ~ saya jadi marah.* That man makes me angry. **Membuatkan** to make for: *Maznah ~ ayahnya secawan kopi.* Maznah made a cup of coffee for her farther

Kamus Dewan Edisi Keempat atau KD4 menyediakan 6 sensa makna untuk ‘membuat’. Untuk sensa pertama atau makna teras, KD4 tidak menyediakan definisi makna tetapi hanya senarai sinonim seperti ‘membikin, membentuk, mencipta’ yang disediakan. Sensa kedua yang disediakan dalam KD4 juga menyenaraikan kata sinonim seperti ‘mengerjakan, melaksanakan dan melakukan’. Sensa pertama dan kedua dalam KD4 seolah-olah lebih kurang sama maknanya dan boleh digabungkan. Makna yang disediakan untuk sensa ketiga membawa makna ‘menyebabkan, menimbulkan’ dan entri ini agak berbeza dari yang lain kerana turut disertakan objek selepas kata kerja iaitu ‘malu, marah’. Sensa keempat pula membawa makna ‘memperlakukan seseorang’ dengan kata kerja ‘dibuat’ dan sensa kelima pula membawa makna ‘menggunakan atau memakai untuk’ seperti ‘dibuat baju’. Sensa makna keenam membawa makna berpura-pura dengan contoh ‘membuat-buat’.

Jika dilihat kepada kamus IMED pula menyediakan dua sensa makna untuk ‘membuat’. Makna teras dalam IMED merupakan gabungan makna dua sensa makna yang disediakan dalam KD4. Makna sensa kedua pula ialah ‘mengakibatkan sesuatu’. Kamus IMED menyediakan padanan dalam bahasa Inggeris dan ayat contoh dalam bahasa Melayu dan terjemahan dalam bahasa Inggeris.

Kamus KPBMBI pula menyediakan enam sensa makna untuk ‘membuat’. Sensa makna yang terdapat dalam entri untuk kamus ini seakan sama dengan apa yang disediakan dalam KD4. Apa yang berbeza hanyalah padanan kata ‘membuat’ dalam bahasa Inggeris. Kamus KPBMBI ini hanya menyediakan ayat contoh dalam BM tetapi terjemahan ayat contoh dalam bahasa Inggeris tidak disediakan. Secara ringkasnya, maklumat makna yang disediakan oleh ketiga-tiga kamus ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah.

Rajah 2: Perbandingan sensa makna entri ‘membuat’ yang disediakan oleh KD4, IMED dan KPBMBI

Sensa Makna	KD4	IMED	KPBMBI
1. membikin, membentuk	√	√	√
2. mengerjakan, melaksanakan	√	√	√
3. menyebabkan, menimbulkan	√	√	√
4. memperlakukan	√		√
5. menggunakan untuk, memakai	√		√

Dari rajah di atas, terdapat ketidakseragaman dalam pembahagian sensa makna antara kedua-dua kamus dwibahasa dan kekurangan maklumat makna beserta ayat contoh dan padanan BI yang sesuai, satu analisis leksikal yang sistematik harus dilakukan bersandarkan data korpus supaya dapatan analisis lebih tepat dan berpada.

Kerangka Teori

Kertas kerja ini membincangkan satu analisis entri kata kerja ‘membuat’ berteraskan data korpus dan aplikasi teori *Frame Semantics* yang dipelopori oleh sarjana Charles Fillmore (1982). *Frame* atau ranah ini dilihat sebagai satu sistem konsep yang berhubung kait. Untuk memahami satu konsep tertentu mestilah memahami makna keseluruhan sistem konsep tersebut. Apabila satu

konsep diperkenalkan dalam satu teks, kesemua sistem konsep itu secara automatik wujud bersama di dalam teks tersebut, atau satu perbualan (Fillmore, 1982:111).

Idea utama teori ini ialah pemerian makna yang boleh dijelaskan mengikut *semantik frames* atau ranah atau domain makna. *Frame* atau ranah makna bermaksud bahawa makna sesuatu perkataan itu boleh dijelaskan mengikut maklumat konseptual yang sedia ada yang berkaitan dengan ranah latar yang terlibat. Menurut Fillmore, Johnson dan Petruck (2003):

> *Frames are schematic representations of the conceptual structures and patterns of beliefs, practices, institutions, images that provide a foundation for meaningful interaction in a given speech community.*

Frame semantics melihat makna *frame* itu sebagai perwakilan skematik bagi struktur konseptual, aspek yang berkaitan dengan kepercayaan, amalan, institusi yang terlibat, dan imej yang menjadi asas untuk interaksi yang bermakna dalam perhubungan antara satu sama lain dalam sesuatu kumpulan masyarakat. Teori mengenai *frame* ini telah melalui satu evolusi yang jelas dari tahun 1975 hingga ke tahun 2003. Pada tahun 1975, Fillmore telah menggunakan makna *frame* sebagai satu sistem pemilihan linguistik atau *system of linguistic choices*. Contoh yang mudah ialah pengumpulan kata-kata tertentu juga termasuk pilihan nahu dan kategori linguistik yang merujuk kepada suatu situasi tertentu. Satu *frame* itu merangkumi satu pilihan linguistik yang berkaitan dengan satu situasi tertentu atau apa yang dijelaskan sebelum ini sebagai *scene* atau *situation.* Dalam tahun 1985, *frame* dilihat sebagai seberkas ilmu tertentu atau pengalaman skema yang koheren. Kemudiaan dalam tahun 1992, *frame* atau ranah telah beransur menjadi satu struktur kognitif (Ungerer & Schmid 2006:210).

Menurut teori *frame semantics*, setiap ranah makna mempunyai unsur-unsur ranah yang mendukung makna ranah tersebut. Fillmore dan Petruck (2003) memberi definisi unsur ranah sebagai '*frame-specific defined semantic role that is the basic unit of frame*'. Contohnya, untuk ranah *COMMERCIAL EVENT*, unsur ranah yang perlu ada untuk membawa makna ranah *COMMERCIAL EVENT* ialah unsur Pembeli, Penjual, Barangan dan Wang.

Selain unsur ranah, Fillmore juga mengenengahkan teori valensi iaitu satu pemerian peranan semantik dan sintaktik bagi setiap argumen untuk suatu kata (Fillmore 1982). Valensi ini didefinisikan oleh Fillmore dan Petruck (2003) sebagai

'*the particular kinds of constituents, in terms of semantic roles, grammatical functions, and phrase type, with which a word combines in a grammatical sentence*'.

Suatu kata itu mempunyai peranan yang tersendiri apabila berada dalam satu struktur tertentu kerana makna berhubung kait secara intrinsik dengan kata yang lain dan memerlukan bantuan frasa yang lain untuk berfungsi secara koherens. Valensi menunjukkan bagaimana suatu kata itu boleh bergabung dengan kata lain dalam satu frasa untuk menghasilkan satu ayat yang gramatis. Sebagai contoh satu kata kerja transitif memerlukan frasa nama untuk berfungsi dengan gramatis. Kumpulan valensi pula menunjukkan unsur ranah dan realisasi nahu dalam suatu ayat tersebut seperti jenis frasa dan fungsi klausa manakala pola valensi pula menunjukkan beberapa kumpulan valensi yang terkandung dalam satu ayat. Teori Fillmore ini diaplikasikan dalam analisis leksikal kamus dalam beberapa penulisan beliau bersama-sama dengan Sue Atkins iaitu artikel Atkins dan Fillmore (1994) dan Atkins, B.T.S. Fillmore, C.J. & Johnson, C.R. (2003).

Analisis ke atas kata kerja 'membuat' berdasarkan teori *frame semantics* ialah dengan menyenaraikan semua sensa makna bagi kata kerja tersebut berdasarkan maklumat data korpus DBP-UKM berjumlah 5 juta serta rujukan dari Kamus Dewan (edisi keempat) dan dua kamus dwibahasa Melayu-Inggeris. Apabila sudah disusun sensa maknanya dalam BM, barulah maklumat itu diterjemahkan ke dalam BI. Bukan sahaja maklumat makna dan penerangan diterjemahkan, malah ayat contoh juga diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris.

Aplikasi teori *FS* mengandungi langkah-langkah yang berikut:

1. Bandingkan maklumat antara kamus mengenai pembahagian sensa makna
2. Lihat data korpus, pastikan binaan ayat yang paling kerap
3. Kenal pasti ranah dan unsur ranah
4. Kenal pasti kumpulan valensi
5. Kenal pasti makna ranah, unsur ranah dan ayat contoh BM yang penting untuk dimasukkan ke dalam kamus
6. Carikan padanan BI bagi setiap ranah dan terjemahkan ayat contoh ke dalam BI
7. Pastikan ranah BM itu boleh dipetakan dengan ranah BI

Perbincangan Dapatan

Analisis yang berteraskan *FS* mengenal pasti setiap sensa sebagai satu ranah[2] yang mengandungi unsur ranah yang berbeza untuk membezakan setiap satu ranah tersebut. Selepas mengenal pasti pecahan makna berdasarkan ranah yang berbeza, ayat contoh dari data korpus akan dipilih untuk membezakan ranah-ranah tersebut. Terjemahan ayat–ayat akan dilakukan ke dalam bahasa Inggeris dan barulah jelas perbezaan padanan bagi setiap makna entri itu.

Dari analisis data korpus, leksikal 'membuat' menjana tiga ranah bahasa Melayu iaitu:

1. Ranah AKSI YANG SENGAJA
2. Ranah MENGHASILKAN SESUATU
3. Ranah KESAN DAN AKIBAT

Ranah pertama ialah ranah AKSI YANG SENGAJA yang membawa maksud seorang Agen melakukan sesuatu Aksi dengan sengaja. Ranah kedua pula ialah ranah MENGHASILKAN SESUATU yang dengan jelas menbawa makna seorang Agen melakukan aksi yang mendapatkan sesuatu produk atau hasil. Ranah ini boleh dibahagikan kepada tiga ranah yang lebih khusus iaitu:

a. MENGHASILKAN KEPUTUSAN
b. MENGHASILKAN KOMUNIKASI
c. MENGHASILKAN MASAKAN

Ranah yang terakhir yang dijana oleh kata 'membuat' ialah ranah KESAN DAN AKIBAT. Untuk penjelasan yang lebih lanjut untuk kesemua ranah-ranah ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian di bawah.

Ranah AKSI YANG SENGAJA

Ranah AKSI YANG SENGAJA ini membawa maksud seorang Agen melakukan suatu Aktiviti dengan sengaja. Unsur ranah yang teras untuk ranah ini ialah unsur Agen iaitu seseorang yang

[2] Setiap perkataan yang mewakili satu ranah akan dikenal pasti dengan huruf besar contohnya ranah MEMBUAT

melakukan sesuatu aksi dan unsur Aksi iaitu perbuatan aktiviti yang dilakukan oleh Agen dengan sengaja. Contoh Aksi ialah seperti 'membuat kerja atau membuat sesuatu aktiviti'.

Ranah AKSI YANG SENGAJA ini boleh dipetakan dengan ranah *INTENTIONALLY ACT* dari *FrameNet*. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, Ranah *INTENTENTIONALLY ACT* membawa maksud '*an abstract frame for acts performed by sentient beings*' (*Framenet*, 2009). Unsur ranah terasnya ialah unsur Aksi (*Act*) dan Agen (*Agent*). Aksi merupakan sesuatu aktiviti yang dilakukan oleh Agen secara sengaja manakala Agen merupakan seseorang yang melakukan Aksi tersebut. Dalam *FrameNet,* ranah *INTENTIONALLY ACT* menyenaraikan LU iaitu kata leksikal yang membangkitkan ranah tersebut iaitu '*act, carry out, conduct, do, engage, execute*, dan *perform'*.

Bukti korpus yang menunjukkan makna teras untuk kata 'membuat' agak sedikit jumlahnya iaitu kira-kira 8% dari keseluruhan data korpus. Walaupun jumlahnya sedikit, makna ini merupakan makna teras sebelum makna peluasannya yang akan dibincangkan dalam sensa kedua di bawah. Bukti korpus untuk 'membuat kerja' ialah kira-kira 124 kali.

1. Dia banyak membuat kerja kampung kerana tiada orang tahu kebolehannya merawat anggota patah.
   Agen – Dia
   Aksi – kerja kampung

Unsur ranah:

a. Agen - Agen iaitu seseorang yang melakukan sesuatu aksi
b. Aksi - perbuatan atau aktiviti yang dilakukan oleh Agen dengan sengaja.

Untuk mendapatkan analisis FS yang lengkap, maklumat leksikal kata, makna ranah, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris disediakan dalam Jadual 1 Jadual 2 pula menunjukkan tiga kumpulan valensi untuk ranah AKSI YANG SENGAJA.

Jadual 1: Maklumat leksikal kata, makna ranah, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris

LEMMA	**buat**
LU /unit leksikal	membuat
Kelas kata	kata kerja
Ranah AKSI YANG SENGAJA	Seorang Agen melakukan suatu Aktiviti dengan

	sengaja.
Unsur Ranah	Agen, Aksi
Contoh ayat	Dia banyak membuat kerja kampung kerana tiada orang tahu kebolehannya merawat anggota patah.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Agen) + membuat + (Objek/Aksi)
Terjemahan Ayat	*He does kampung work because nobody knows he has the ability to heal broken bones.*
LU dalam Bahasa Inggeris	*do, act, conduct, carry out, act, engage, execute, perform, do*

Jadual 2: Tiga kumpulan valensi bersama nodus dan contoh ayat

Agen (Unsur Ranah) Frasa Nama Subjek(Fungsi Nahu)	Nodus	Aksi (Unsur Ranah) Frasa Nama(Jenis Frasa) Objek(Fungsi Nahu)
Dia	membuat	kerja kampung


Dari maklumat di atas, dapat diringkas maklumat pola valensi untuk ranah seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Ringkasan kumpulan valensi ranah AKSI YANG SENGAJA

Agen/FN/Subjek	Aksi/FN/Objek/

Secara ringkasnya, ranah AKSI YANG SENGAJA ini mempunyai dua unsur ranah yang teras iaitu unsur Agen dan Aksi. Analisis *FS* yang mengenal pasti unsur ranah memudahkan pemetaan antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pemetaan ranah AKSI YANG SENGAJA dan ranah *INTENTIONALLY ACT* ditunjukkan dalam

Rajah 3.



Rajah 3: Ranah AKSI YANG SENGAJA dipetakan dengan ranah INTENTIONALLY ACT

Ranah MENGHASILKAN SESUATU

Ranah MENGHASILKAN SESUATU membawa makna menghasilkan sesuatu produk sama ada sesuatu yang konkrit seperti 'membuat laporan, membuat kuih' atau suatu yang abstrak seperti 'membuat keputusan'. Ayat-ayat contoh yang ditunjukkan di bawah membawa makna ranah MENGHASILKAN SESUATU dengan unsur Agen dan Hasil.

Contoh ayat:

2. Syarikat Trebor Malaysia membuat keputusan muktamad berhubung dengan ramalan dan perancangan masa hadapan.
Agen – Syarikat Trebor
Hasil – keputusan

3. Habis sahaja pantang Diana segera membuat laporan ke pejabat kadi.
Agen – Diana
Hasil - laporan

4. Sementara menanti kepulangan Abdul Rahman, Mek Kalsom terpaksa membuat kuih muih atau menjual nasi lemak bagi menampung belanja dapur.
Agen – Mek Kalsom
Hasil – kuih muih atau nasi lemak

Secara umumnya, ketiga-tiga ayat di atas boleh dipetakan dengan ranah dari *FrameNet* yang agak umum seperti ranah *INTENTIONALLY CREATE*. Ranah *INTENTIONALLY CREATE* bermaksud '*the Creator creates a new entity, the Created Entity, possibly out of Components,*

(*FrameNet*, 2009). Unsur ranahnya ialah Pencipta (*Creator*) dan Hasil ciptaan (*Created Entity*). Ranah MENGHASILKAN SESUATU ini merupakan suatu ranah yang agak umum sifatnya dan kalau dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris iaitu *INTENTIONALLY CREATE* yang agak umum sifatnya juga. Tetapi apabila dilihat dari makna yang dapat disimpulkan dari tiga ayat contoh di atas, ranah MENGHASILKAN SESUATU ini boleh dipetakan dengan ranah bahasa Inggeris yang lebih spesifik. Contohnya, untuk ayat bernombor 2 di atas 'Syarikat Trebor Malaysia membuat keputusan muktamad berhubung dengan ramalan dan perancangan masa hadapan' ini membawa maksud bukan sahaja membuat sesuatu tetapi menghasilkan sesuatu iaitu membuat keputusan. Oleh itu ranah MENGHASILKAN SESUATU ini boleh dipetakan dengan ranah *DECIDING*.

Ayat contoh bernombor 3 boleh dipetakan dengan ranah *STATEMENT* kerana hasil dari suatu aktiviti perbuatan 'membuat laporan' hasilnya ialah suatu laporan iaitu suatu objek yang konkrit. Ayat contoh bernombor 4 pula boleh dipetakan dengan ranah *COOKING CREATION* kerana hasil dari perbuatan 'membuat kuih atau membuat suatu makanan' yang terhasil dari suatu aktiviti 'membuat' tersebut. Ketiga-tiga ranah yang disebutkan di atas itu merupakan ranah yang lebih spesifik dan beribukan ranah yang lebih umum iaitu ranah *INTENTIONALLY CREATE*. Setiap ranah akan menjana LU yang tertentu dalam bahasa Inggeris seperti ranah *COOKING CREATION* pula menurunkan padanan bahasa Inggeris '*cook, prepare, concoct*' untuk padanan bagi kata kerja 'membuat kuih'. Ketiga-tiga ranah akan dibincangkan setiap satu di bawah kerana hasil analisisnya akan ditunjukkan dalam entri kamus yang dicadangkan.

Ranah MENGHASILKAN SESUATU KEPUTUSAN dan ranah DECIDING

Definisi ranah ialah apabila seorang Agen melakukan sesuatu dan menghasilkan suatu. Untuk ranah yang lebih spesifik hasilnya ialah suatu keputusan mengenai sesuatu tindakan. Unsur ranah ini mesti ada seorang Agen yang menghasilkan keputusan dan juga unsur Keputusan yang dibuat.

Ranah MENGHASILKAN SESUATU ini boleh disuaikan dengan ranah *DECIDING* dari *FrameNet*. Dalam *Framenet*, ranah *DECIDING* membawa maksud '*A Cognizer makes a Decision, which may be an entity or a cause of action*' (2009). Unsur ranah ini ialah Pelaku atau Agen (*Cognizer)* dan unsur Keputusan (*Decision*). Dari pangkalan *FrameNet*, LU untuk ranah DECIDING ini ialah kata leksikal '*decide*'. Bukti korpus menunjukkan bahawa terdapat jumlah

ayat contoh yang tinggi dalam korpus untuk ranah MENGHASILKAN SESUATU iaitu ‘membuat keputusan’ iaitu sebanyak 541 kali.

Ayat contoh untuk ranah ini ialah ‘Syarikat Trebor Malaysia membuat keputusan muktamad berhubung dengan ramalan dan perancangan masa hadapan. Unsur ranah ialah Agen dan Keputusan. Definisi unsur Agen ialah seseorang yang menghasilkan suatu Keputusan, manakala unsur Keputusan ialah tindakan Agen untuk membuat sesuatu mengenai suatu. Maklumat leksikal kata, makna ranah, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris disediakan dalam Jadual 4 di bawah untuk mendapatkan analisis *FS* yang lengkap. Manakala Jadual 5 menunjukkan dua kumpulan valensi untuk ranah tersebut.

Jadual 4: Maklumat leksikal kata, makna ranah, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris

LEMMA	**membuat**
LU /unit leksikal	buat
Kelas kata	kata kerja
Ranah **MENGHASILKAN SESUATU (KEPUTUSAN)**	Seorang Agen melakukan sesuatu Keputusan dan menghasilkan suatu Keputusan iaitu tindakan Agen mengenai sesuatu.
Unsur Ranah	Agen, Keputusan
Contoh ayat	Syarikat Trebor Malaysia membuat keputusan muktamad berhubung dengan ramalan dan perancangan masa hadapan.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Agen) + membuat + (Objek/Keputusan)
Terjemahan Ayat	*Trebor Malaysia has made a final decision with regard to future forecasting and planning.*
LU dalam Bahasa Inggeris	*decide*

Jadual 5: Dua kumpulan valensi bersama nodus dan contoh ayat


Agen (Unsur Ranah) Frasa Nama Subjek(Fungsi Nahu)	Nodus	Keputusan(Unsur Ranah) Frasa Nama(Jenis Frasa) Objek(Fungsi Nahu)
Syarikat Trebor Malaysia	membuat	keputusan muktamad

Dari maklumat di atas, dapat diringkas maklumat pola valensi untuk ranah MENGHASILKAN SESUATU KEPUTUSAN seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6: Ringkasan kumpulan valensi MENGHASILKAN SESUATU KEPUTUSAN

Agen/FN/Subjek	Keputusan/FN/Objek/

Bukti korpus menunjukkan ayat yang menjana ranah ini mestilah mempunyai dua unsur ranah iaitu unsur Agen dan Keputusan. Ranah MENGHASILKAN SESUATU KEPUTUSAN ini boleh dipetakan kepada ranah DECIDING seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.



Rajah 4: Pemetaan ranah MENGHASILKAN SESUATU KEPUTUSAN dan ranah DECIDING

Ranah MENGHASILKAN KOMUNIKASI dan ranah STATEMENT

Definisi ranah ini ialah seorang Komunikator menyampaikan Mesej kepada Penerima. Unsur ranah yang teras ialah Komunikator dan Mesej. Mesej dalam ranah ini ialah seperti *membuat laporan* (124 kali), *kajian* (103 kali) *ramalan* (89 kali), *kenyataan* (72 kali), *kesimpulan* (81 kali), *penilaian* (66 kali), *perancangan* (45 kali), *pengumuman* (44 kali), *cadangan* (20 kali), *liputan* (35 kali), *pengakuan* (30 kali), *pertimbangan* (27 kali), *tafsiran* (22 kali), *rumusan* (16 kali), dan *penjelasan* (19 kali).

Ranah ini boleh dipetakan dengan ranah *STATEMENT* dari *FrameNet*. Unsur ranah *STATEMENT* ialah *Speaker, Message, Medium dan Topic*. LU untuk ranah STATEMENT ialah *acknowledge, add, address, admit, affirm, allege, announce, assert, attest, caution, claim, comment, concede, confirm, conjecture, contend, declare, deny, describe, exclaim, explain, insist, maintain, mention,* dan *note*.

Bukti korpus yang tinggi jumlah kekerapannya (jumlah kekerapan ditunjukkan di atas) menunjukkan bahawa terdapat jumlah ayat contoh yang tinggi kekerapan penggunaan yang membawa makna ranah MENGHASILKAN KOMUNIKASI dalam korpus seperti yang ditunjukkan contohnya di atas.

Ayat contoh untuk ranah ini ialah ‘Habis sahaja pantang Diana segera membuat laporan ke pejabat kadi’. Unsur ranah ini ialah Komunikator iaitu Diana dan Mesejnya laporan. Unsur Komunikator bermaksud seseorang yang melakukan sesuatu aksi untuk menyampaikan Mesej. Unsur Mesej ialah suatu entiti yang disampaikan oleh Komunikator untuk tujuan komunikasi. Jadual 7 dan Jadual 8 menyediakan maklumat perincian berdasarkan analisis *FS*.

Jadual 7: Maklumat leksikal kata, makna ranah, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris

LEMMA	**buat**
LU /unit leksikal	membuat
Kelas kata	kata kerja
Ranah MENGHASILKAN SESUATU UNTUK KOMUNIKASI	Komunikator menyampaikan Mesej kepada Penerima

Unsur Ranah	Komunikator dan Mesej
Contoh ayat	Habis sahaja pantang Diana segera membuat laporan ke pejabat kadi.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Komunikator) + membuat (Objek/Mesej)
Terjemahan Ayat	*After she finished her confinement period, Diana immediately lodge a report at the kadi's office.*
LU dalam Bahasa Inggeris	*report, acknowledge, add, address, admit, affirm, allege, announce, assert, attest, caution, claim, comment, concede, confirm, conjecture, contend, declare, deny, describe, exclaim, explain, insist, maintain, mention,* dan *note.*

Jadual 8: Dua kumpulan valensi bersama nodus dan contoh ayat


Komunikator (Unsur Ranah) Frasa Nama Subjek (Fungsi Nahu)	Nodus	Mesej (Unsur Ranah) Frasa Nama (Jenis Frasa) Objek (Fungsi Nahu)
Diana	membuat	laporan

Dari maklumat di atas, dapat diringkas maklumat pola valensi untuk ranah MENGHASILKAN KOMUNIKASI seperti dalam Jadual 9.

Jadual 9: Ringkasan kumpulan valensi MENGHASILKAN KOMUNIKASI

Komunikator/FN/Subjek	Mesej/FN/Objek/

Bukti korpus menunjukkan bahawa ayat–ayat yang menjana ranah MENGHASILKAN KOMUNIKASI ini mestilah mempunyai unsur Komunikator dan Mesej. Rajah di bawah menunjukkan pemetaan ranah ini dan ranah *STATEMENT*.



Rajah 5: Pemetaan ranah MENGHASILKAN SESUATU UNTUK KOMUNIKASI dan ranah *STATEMEN*T

Ranah MENGHASILKAN MASAKAN dan Ranah COOKING CREATION

Ranah ini membawa makna seorang Agen melakukan aktiviti yang menghasilkan suatu masakan. Unsur teras ranah ialah Agen iaitu seseorang yang melakukan aktiviti memasak atau menyediakan makanan dengan punca haba dan unsur kedua ialah Hasil Masakan iaitu hasil ciptaan atau masakan sesuatu yang berupa bahan makanan.

Ranah ini boleh dipetakan dengan ranah *COOKING CREATION* dari *FrameNet* (2009). Definisinya ialah ‘ *this frame describes food and meal preparation. A Cook creates a Produced Food from (raw) Ingredients’* (*FrameNet* 2009). Unsur teras untuk ranah ini ialah Agen yang melakukan aktiviti memasak (*Cook*) dan Hasil Masakan (*Produced Food*). Bukti korpus menunjukkan bahawa terdapat jumlah ayat contoh seperti ‘memasak kuih, keropok dan cara memasak makanan’ yang terdapat dalam data korpus.

Ayat contoh untuk ranah ini ialah ‘Mek Kalsom terpaksa membuat kuih muih atau menjual nasi lemak bagi menampung belanja dapur’. Unsur ranah ialah Agen iaitu ‘Mek Kalsom’ dan Hasil Masakan ialah ‘kuih muih atau nasi lemak’. Maklumat perincian yang disediakan dalam Jadual 10 dan Jadual 11 merupakan hasil analisis berdasarkan *FS*.

Jadual 10: Maklumat leksikal kata, makna ranah, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris

LEMMA	buat
LU /unit leksikal	membuat
Kelas kata	kata kerja
Ranah MENGHASILKAN SESUATU MASAKAN	Seorang Agen melakukan aktiviti yang menghasilkan suatu masakan.
Unsur Ranah	Agen dan Hasil Masakan
Contoh ayat	Mek Kalsom terpaksa membuat kuih muih atau menjual nasi lemak bagi menampung belanja dapur.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Agen) + membuat (Objek/Bahan Makanan)
Terjemahan Ayat	*Mek Kalsom had to prepare kuih and sell nasi lemak to make ends meet.*
LU dalam Bahasa Inggeris	*prepare, cook, make, cook up, put together, whip up*

Jadual 11: Dua kumpulan valensi bersama nodus dan contoh ayat


Agen (Unsur Ranah) Frasa Nama Subjek (Fungsi Nahu)	Nodus	Hasil Masakan (Unsur Ranah) Frasa Nama(Jenis Frasa) Objek(Fungsi Nahu)
Mek Kalsom	membuat	kuih muih atau nasi lemak

Dari maklumat di atas, dapat diringkas maklumat pola valensi untuk ranah MENGHASILKAN SESUATU MASAKAN seperti dalam Jadual 12

Jadual 12: Ringkasan kumpulan valensi ranah MENGHASILKAN SESUATU MASAKAN

Agen/FN/Subjek	Hasil Masakan/FN/Objek/

Bukti korpus menunjukkan bahawa ayat yang menjana ranah ini mestilah mempunyai dua unsur iaitu Agen dan Hasil Makanan. Rajah di bawah merupakan pemetaan ranah MENGHASILKAN SUATU MASAKAN dan ranah *COOKING CREATION*.



Rajah 6: Pemetaan ranah MENGHASILKAN SUATU MASAKAN dan ranah *COOKING CREATION*

Ranah KESAN DAN AKIBAT

Ranah **KESAN DAN AKIBAT** membawa maksud kesan dan akibat yang disebabkan oleh seseorang atau sesuatu proses ke atas sesuatu atau pihak yang lain. Unsur ranah yang teras ialah Fenomena Punca yang menyebabkan suatu kesan atau akibat ke atas Penderita. Fenomena Punca ini kadang-kadang melibatkan unsur seorang Aktor yang menghasilkan satu kesan atau unsur Akibat iaitu satu keadaan yang negatif atau positif ke atas Penderita. Bukti korpus menunjukkan ayat ayat yang mengandungi makna ranah ini dan contoh ayat ialah seperti berikut:

5. Kata-kata Samil itu membuat hati Salwa berbelah bahagi antara kasih dan kasihan.
Fenomena Punca – kata-kata Samil
Penderita – hati Salwa
Akibat- berbelah bahagi

6. Bersama Taufik membuat jantung Milla asyik berdetak.
Fenomena Punca – Bersama Taufik
Penderita – jantung Mila
Akibat – asyik berdetak

Dari ayat-ayat contoh di atas, boleh dikenal pasti unsur ranah yang teras iaitu: dan

1. Fenomena Punca – Keadaan iaitu suatu aktiviti atau kejadian yang menyebabkan kesan dan akibat dan kadang-kala ada Aktor yang terlibat
2. Akibat – Satu penilaian negatif atau positif selepas suatu aktiviti atau kejadian terjadi.
3. Penderita – seseorang yang mendapat Akibat kesan dari Fenomena Punca.

Ranah dalam bahasa Melayu ini boleh dipetakan dengan ranah *CAUSATIVE* dari *FrameNet*. Jadual 13 dan Jadual 14 di bawah menunjukkan maklumat perincian berdasarkan analisis *FS*.

Jadual 13: Maklumat leksikal kata, makna ranah, unsur ranah, ayat contoh, struktur nahu, terjemahan ayat dan LU bahasa Inggeris

LEMMA	**buat**
LU /unit leksikal	membuat
Kelas kata	kata kerja
Ranah KESAN DAN AKIBAT	Ranah kesan dan akibat yang disebabkan oleh seseorang atau satu Fenomena Punca ke atas orang yang lain. Akibat dari Fenomena Puncanya ialah satu akibat yang menghasilkan satu keadaan kesan yang negatif atau positif selepas itu. Penderita merupakan seseorang yang mendapat Akibat dari Fenomena Punca tersebut.
Unsur Ranah	Fenomena Punca, Penderita dan Akibat,
Contoh ayat	Kata-kata Samil itu membuat hati Salwa berbelah bahagi antara kasih dan kasihan.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Fenomena Punca) + membuat + (Objek/Penderita) + (Komp/Akibat)
Terjemahan Ayat	*Samil's words have caused Salwa's feelings towards him to be torn between love and pity.*

LU dalam Bahasa Inggeris	*cause, lead to, impact, influence* dan *inspire, create*

Jadual 14: Tiga kumpulan valensi bersama nodus dan contoh ayat


Fenomena Punca (Unsur Ranah) Frasa Nama Subjek (Fungsi Nahu)	Nodus	Penderita (Unsur Ranah) Frasa Nama (Jenis Frasa) Objek (Fungsi Nahu)	Akibat (Unsur Ranah) Frasa Nama (Jenis Frasa) Komplemen (Fungsi Nahu)
Kata-kata Samil	membuat	hati Salwa	berbelah bahagi antara kasih dan kasihan

Dari maklumat di atas, dapat diringkas maklumat pola valensi untuk ranah MEMGAMBIL TEMA FIZIKAL seperti dalam Jadual 15.

Jadual 15: Secara ringkasnya pola valensi untuk ranah KESAN dan AKIBAT

Fenomena Punca/FN/Subjek	Penderita FN/Objek	Akibat/FN/Objek

Ranah KESAN DAN AKIBAT ini mudah dikenal pasti padanan dalam bahasa Inggeris seperti *cause, lead to, impact, influence* dan *inspire* kerana ranah ini boleh dipetakan kapada ranah bahasa Inggeris *CAUSATION*. Rajah 6.15 menunjukkan ranah KESAN DAN AKIBAT yang boleh dipetakan dengan ranah *CAUSATION d*ari FrameNet.



Rajah 7: Pemetaan antara ranah KESAN DAN AKIBAT dan CAUSATION

Maklumat Makna dan Pangkalan Data Kamus


Apabila setiap sensa makna sudah didapati melalui pola valensinya, semua maklumat dimasukkan dalam satu pangkalan data yang boleh digunakan untuk dimasukkan dalam entri kamus. Hasil dari analisis *FS* dalam Jadual 16 di bawah membekalkan maklumat sensa makna untuk kata 'membuat' dan maklumat ini akan dipilih untuk dimasukkan dalam entri kamus dwibahasa.

Jadual 16: Pangkalan Data mengenai kata 'membuat' dan ranah yang terlibat bersama pola valensi, contoh ayat, terjemahan contoh ayat dan padanan LU dalam bahasa Inggeris.

LEMMA	buat
LU /unit leksikal	membuat
Kelas kata	kata kerja
Ranah **AKSI YANG SENGAJA**	Seorang Agen melakukan suatu Aktiviti dengan sengaja.
Unsur Ranah	Agen, Aksi
Contoh ayat	Dia banyak membuat kerja kampung kerana tiada orang tahu kebolehannya merawat anggota patah.

Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Agen) + membuat + (Objek/Aksi)
Terjemahan Ayat	*He does kampung work because nobody knows he has the ability to heal broken bones.*
LU dalam Bahasa Inggeris	*do, act, conduct, carry out, act, engage, execute, perform, do*
Ranah **MENGHASILKAN SESUATU (KEPUTUSAN)**	Seorang Agen melakukan sesuatu dan menghasilkan suatu Keputusan mengenai sesuatu tindakan.
Unsur Ranah	Agen, Keputusan
Contoh ayat	Syarikat Trebor Malaysia membuat keputusan muktamad berhubung dengan ramalan dan perancangan masa hadapan.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Agen) + membuat + (Objek/Keputusan)
Terjemahan Ayat	*The company of Trebor Malaysia has firmly decided on future forecasts and planning.*
LU dalam Bahasa Inggeris	*decide*
Ranah **MENGHASILKAN SESUATU UNTUK KOMUNIKASI**	Komunikator menyampaikan Mesej kepada Penerima
Unsur Ranah	Komunikator dan Mesej
Contoh ayat	Habis sahaja pantang Diana segera membuat laporan ke pejabat kadi.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Komunikator) + membuat + (Objek/Mesej)
Terjemahan Ayat	*After she finished her confinement period, Diana immediately made a report / reported a statement at the kadi office.*
LU dalam Bahasa Inggeris	*report, acknowledge, add, address, admit, affirm, allege, announce, assert, attest, caution, claim, comment, concede, confirm, conjecture, contend, declare, deny, describe, exclaim, explain, insist, maintain, mention, and note.*
Ranah **MENGHASILKAN SESUATU MASAKAN**	Seorang Agen melakukan aktiviti yang menghasilkan suatu masakan.
Unsur Ranah	Agen dan Hasil Masakan
Contoh ayat	Mek Kalsom terpaksa membuat kuih muih atau menjual nasi lemak bagi menampung belanja dapur.
Struktur Nahu dan Unsur	Transitif

Ranah	(Subjek/Agen) + membuat + (Objek/Hasil Masakan)
Terjemahan Ayat	*Mek Kalsom had to prepare kuih and sell nasi lemak to make ends meet.*
LU dalam Bahasa Inggeris	*prepare, cook, make, cook up, put together, whip up*
Ranah **KESAN DAN AKIBAT**	Ranah kesan dan akibat yang disebabkan oleh seseorang atau satu Fenomena Punca ke atas orang lain. Akibat dari Fenomena Puncanya ialah satu akibat yang menghasilkan satu keadaan kesan yang negatif atau positif. Penderita merupakan seseorang yang mendapat Akibat dari Fenomena Punca tersebut.
Unsur Ranah	Fenomena Punca, Penderita dan Akibat,
Contoh ayat	Kata-kata Samil itu membuat hati Salwa berbelah bahagi antara kasih dan kasihan.
Struktur Nahu dan Unsur Ranah	Transitif (Subjek/Fenomena Punca) + membuat + (Objek/Penderita) + (Komp/Akibat)
Terjemahan Ayat	*Samil's words have caused Salwa's feelings towards him torn apart between love and pity.*
LU dalam Bahasa Inggeris	*cause, lead to, impact, influence dan inspire*



Rajah 8: Pemetaan kata 'membuat' ke padanan bahasa Inggeris

Rajah 8 menunjukkan bahawa leksikal 'membuat' boleh dipadankan dengan pelbagai kata dalam bahasa Inggeris mengikut ranah yang berbeza. Dari maklumat pangkalan data untuk entri 'membuat' bolehlah dicadangkan entri 'membuat' untuk kamus dwibahasa yang aktif untuk terjemahan.

Kesimpulan

Selepas mengambil kira maklumat yang disediakan dalam pangkalan data kamus seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.15, satu cadangan entri untuk kata 'membuat' disediakan di bawah dalam Rajah 9. Analisis *FS* mendapati terdapat lima ranah yang boleh dijana dari kata leksikal 'membuat' iaitu ranah AKSI YANG SENGAJA, KESAN DAN AKIBAT, MENGHASILKAN KEPUTUSAN,

MNGHASILKAN KOMUNIKASI dan MENGHASILKAN MASAKAN. Seterusnya cadangan entri untuk kamus dwibahasa ini menyediakan lima sensa makna untuk 'membuat' bersama senarai padanan dalam bahasa Inggeris. Senarai padanan dalam bahasa Inggeris ini membantu pengguna kamus atau penterjemah yang menterjemahkan teks dari bahasa Melayu ke bahasa Inggeris bersesuaian untuk konteks ayat. Selain padanan dalam bahasa Inggeris, ayat contoh dalam bahasa Melayu yang diambil dari korpus dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris juga disediakan dalam entri kamus ini.

membuat kj. Tf. **1. Seseorang melakukan sesuatu dgn sengaja, membuat kerja** *to do work, to make, act, conduct, carry out, act, engage, execute, perform* **Dia banyak membuat kerja kampung.** *He does a lot of kampung work.*
2.**Seseorang menghasilkan sesuatu seperti keputusan, membuat keputusan** *to decide* **Syarikat Trebor Malaysia membuat keputusan muktamad berhubung dengan ramalan dan perancangan masa hadapan**. *Trebor Malaysia has made a final decision with regard to future forecasting and planning.*
3 Seseorang menghasilkan sesuatu untuk komunikasi, membuat laporan *to report, to lodge a report* **membuat kajian** *to research, analyse* **membuat ramalan** *to forecast, predict* **membuat kenyataan** *to acknowledge, add, address, admit, affirm, allege, announce, assert, attest, claim, comment, concede, confirm, conjecture, contend, declare, describe, exclaim, explain, insist, maintain, mention, note*. **Habis sahaja pantang Diana segera membuat laporan ke pejabat kadi**. *After she finished her confinement period, Diana immediately lodged a report at the kadi's office.*
4. Seseorang menghasilkan masakan, membuat kuih *to prepare, cook, make, cook up, put together, whip up* **Mek Kalsom terpaksa membuat kuih-muih**. *Mek Kalsom had to prepare kuih-muih.*
5. Seseorang atau pihak mengakibatkan sesuatu, kesan dan akibat. *to cause, lead to, impact, influence dan inspire* Kata-kata Samil membuat hati Salwa berbelah bahagi antara kasih dan kasihan. *Samil's words have caused Salwa's feelings towards him to be torn apart between love and pity.*

Rajah 9: Cadangan entri 'membuat'

Analisis *FS* ke atas data korpus DBP-UKM dapat membantu dalam menyusun semula sensa makna kata 'membuat' dan seterusnya mendapatkan padanan dalam bahasa Inggeris. Padanan bahasa Inggeris boleh dirujuk kesesuaiannya berdasarkan pangkalan *FramenNet*. Ranah BM juga boleh dipetakan dengan ranah BI dari FrameNet.

RUJUKAN

Atkins B.T.S. & C.J. Fillmore. 1994. Applying the verbs of seeing: A frame semantics approach to corpus lexicography. Dlm. *Proceedings of the Twentieth Annual Meeting of the Berkeley Linguistics Society, 1994*. S. Gahl, C. Johnson & A. Dolbey, BLS (pnyt.) California: UC Berkeley, hlm. 42-56.

Atkins, B.T.S. Fillmore, C.J. & Johnson, C.R. 2003. Lexicographic Relevance: Selecting information from corpus evidence. *International Journal of Lexicography*. 16 (3):251-280.

Atkins, B.T.S. & Rundell, M. 2008. *The Oxford guide to practical lexicography*. Oxford: Oxford University Press.

Fillmore, C. J. 1982. "Frame Semantics" Dlm. The Linguistics Society of Korea (pnyt.) *Linguistics in the morning calm*. Seoul: Hanshin Publishing Co.

Fillmore, C.J. Johnson, C.R. & Petruck, M.R.L. 2003. Background to FrameNet. *International Journal of Lexicography*. 16(3):235-250.

Kamus Dewan. Edisi Keempat. 2005. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Intelek Malay-English Dictionary. 1996. Kuala Lumpur:Arus Intelek Sdn Bhd.

Kamus Perwira Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris. 1998. Selangor: Penerbitan Daya Sdn Bhd.

Ungerer, F. & Schmid, H-J. 2006. *An introduction to cognitive linguistics*. Ed. Ke-2. Great Britain: Pearson Education Limited.